

Naza TTDI lancar Galeri Pameran KL Metropolis

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Naza TTDI Sdn. Bhd. melancarkan Galeri Pameran KL Metropolis seiring dengan jangkauan pelancaran operasi Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada suku pertama tahun depan.

Terletak di Naza Tower, Platinium Park di sini, galeri dengan ruang berkeluasan 14,000 kaki persegi tersebut bakal menyediakan maklumat berkaitan projek induk KL Metropolis kepada orang awam terutama para pelabur.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, MITEC merupakan komponen utama dalam pembangunan KL Metropolis yang bakal menyediakan ruang pameran terbesar negara.

“MITEC dengan keluasan ruang lantai kasar sejuta kaki persegi telah siap dibina dan dijangka mula mengendalikan acara antarabangsa seawal bulan Mac 2017, selain menjadi lokasi tumpuan sempena Sukan SEA ke-29 tahun depan.

“Naza TTDI yakin pusat pameran ini akan merangsang pertumbuhan perniagaan pelancongan dan industri Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) di Malaysia,” katanya dalam sesi taklimat media mengenai perkembangan projek itu di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holdings, SM Nasarudin SM Nasimuddin dan Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin.

KL Metropolis yang dilancarkan pada 25 Oktober 2011 memperuntukkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM20 bilion pada tanah berkeluasan 30.35

hektar atau 22.8 juta kaki persegi dengan pembinaan dijangka memakan masa sehingga 15 tahun.

Selain MITEC, pelan induk KL Metropolis terbahagi kepada lapan presint pembangunan iaitu Met 1, Met 2, Met 3, Met 5, Met 6, Met 7, Met 8 dan Met 9 merangkumi pelbagai menara pejabat, kediaman perkhidmatan, hotel dan pusat beli-belah.

Tambah SM Faliq, Naza TTDI sedang berbincang dengan empat pelabur sebelum memuktamadkan perjanjian hotel yang merupakan satu lagi komponen penting dalam projek mega KL metropolis seiring pelancaran MITEC.

Mengulas pengumuman Bajet 2017 Jumaat ini, katanya, kumpulan menyambut baik sebarang inisiatif dan insentif daripada kerajaan bagi membantu menggalakkan urusan jual beli hartanah yang perlahan ketika ini.



SM FALIQ SM NASIMUDDIN (kiri), SM Faisal SM Nasimuddin (tengah) dan SM Nasarudin SM Nasimuddin bersama replika KL Metropolis ketika melancarkan Galeri Pameran KL Metropolis di Menara Naza di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN